

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (31)



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 12 TAHUN 2023

**PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN
PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU):**

**BAHAGIAN PELABURAN STRATEGIK,
PENGURUSAN PELABURAN**

**GARIS PANDUAN TADBIR URUS SYARIKAT INDUK
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Bendahari

2 Mei 2023

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (31)

2 Mei 2023

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 12/2023

PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU): BAHAGIAN PELABURAN STRATEGIK, PENGURUSAN PELABURAN GARIS PANDUAN TADBIR URUS SYARIKAT INDUK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang pindaan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU): Bahagian Pelaburan Strategik, Bab A Pengurusan Pelaburan.
- 1.2 Pindaan yang terlibat adalah terhadap Lampiran Bab A Pengurusan Pelaburan iaitu Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berhubung komposisi keahlian Lembaga Pengarah Syarikat Induk UTeM.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 PKPU Bahagian Pelaburan Strategik, Bab A, Pengurusan Pelaburan telah menggariskan berhubung Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM untuk memantau pentadbiran dan pengurusan Syarikat Induk UTeM dan subsidiarinya bagi memastikan ia melaksanakan aktivitiya sebagaimana ditetapkan Pihak Berkuasa Universiti.
- 2.2 Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM juga mengandungi rujukan terhadap sumber/punca kuasa, pentadbiran dan pengurusan, aktiviti yang dibenarkan, sumber kewangan, penggunaan aset,

kemudahan dan perkhidmatan Universiti, sistem kawalan dan pemantauan, penjanaan pendapatan, manfaat kepada UTeM dan komuniti dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

- 2.3 Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 berhubung Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan yang menjelaskan bahawa Menteri adalah bertanggungjawab dalam meluluskan pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan Ketua Eksekutif Perbadanan dan Anak Syarikat.
- 2.4 Melalui surat pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bertarikh 11 Februari 2022, KPT telah menyediakan carta alir sebagai panduan dan rujukan bagi memudahcara proses permohonan kelulusan pelantikan KPE dan ALP syarikat induk UA. Carta alir tersebut bertujuan memastikan penyelarasan proses berkenaan supaya teratur dan seragam. Pihak KPT juga telah mencadangkan komposisi ALP hendaklah dianggotai oleh kumpulan individu dengan gabungan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman serta latar belakang kerjaya.

3.0 PINDAAN

- 3.1 Pindaan terhadap Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM berhubung komposisi keahlian Lembaga Pengarah Syarikat Induk UTeM telah dilaksanakan seperti mana yang ditetapkan pihak KPT seperti yang dinyatakan pada Para 3.3.
- 3.2 Pengerusi ALP hendaklah dilantik dalam kalangan wakil profesional/korporat/industri atau wakil LPU yang mempunyai latar kerjaya profesional/korporat/industri. Naib Canselor Universiti tidak boleh dilantik sebagai Pengerusi ALP.

3.3 Universiti telah membuat penetapan komposisi bagi lantikan ALP Syarikat Induk Universiti seperti berikut:

No.	Wakil/Komposisi ALP	Bilangan
1.	Lembaga Pengarah Universiti (LPU)	1
2.	Pegawai Universiti	1
3.	Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	1
4.	Kementerian Kewangan (MOF)	1
5.	Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Syarikat Induk	1
6.	Profesional/Korporat/Industri	Minimum 2 atau baki keanggotaan ALP mengikut Perlembagaan Syarikat


3.4 Pindaan peraturan seperti yang dinyatakan pada Para 3.0 di atas telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2/2023 yang bersidang pada 30 Mac 2023. Sehubungan dengan itu, PKPU telah dipinda seperti mana peraturan pada Bahagian Pelaburan Strategik, Bab A Pengurusan Pelaburan, Lampiran 1 Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM yang disertakan.

4.0 CARTA ALIR PELANTIKAN ALP DAN KPE SYARIKAT INDUK UTeM


4.1 Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM yang dipinda ini juga telah mengambil kira proses pelantikan ALP dan KPE bagi Syarikat Induk UTeM seperti mana carta alir yang telah ditetapkan pihak KPT sebagai panduan dan rujukan bagi memudahcara proses permohonan kelulusan pelantikan ALP dan KPE syarikat induk Universiti Awam.

- 4.2 Pelantikan ALP dan KPE Syarikat Induk UTeM adalah dengan kelulusan Menteri Pendidikan Tinggi.
- 4.3 Proses pelantikan ALP dan KPE Syarikat Induk yang telah ditetapkan oleh pihak KPT adalah seperti pada Rajah 1 dan Rajah 2 di bawah:

Rajah 1: Carta Alir Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Induk



Rajah 2: Carta Alir Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Induk



5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.
- 5.2 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utem.edu.my/>

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MJ/PINDAANPKPU/SPK12/2023